

**SULIT**

**3757/1**

**3757/1**  
**Ekonomi Asas**  
**Kertas 1**  
**1 ¼ jam**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**EKONOMI ASAS**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Arahian:** *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan*

### PROJEK RAKSASA RM65.6 BILION DITANGGUHKAN



Gambar 1

Projek Hidroelektrik Bakun



Gambar 2

Projek Jambatan Selat Melaka:  
Malaysia - Indonesia

- 1 Merujuk gambar 1 dan 2 di atas, apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia ?

- A Pilihan
- B Kos lepas
- C Kekurangan
- D Mengimport



Gambar 3

Kita perlu menggunakan semua faktor di dalam proses pengeluaran dengan sebaik mungkin supaya objektif utama kita tercapai.

- 2 Berdasarkan gambar 3, apakah objektif utama yang ingin dicapai oleh pihak tersebut ?

- A Mencapai agihan saksama
- B Memaksimumkan kepuasan
- C Memenuhi kehendak manusia
- D Memaksimumkan keuntungan

- 3 Setiap pengguna perlu membuat pilihan dengan cekap supaya
- A Tidak timbul masalah pembaziran
  - B Dapat mengurangkan perbelanjaan
  - C Dapat memaksimumkan kepuasan
  - D Dapat menggunakan semua sumber yang sedia ada
- 4 Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai barang percuma?
- A Barang yang penawarannya tidak terhad
  - B Barangan yang disediakan oleh kerajaan
  - C Hadiah gelas daripada pembelian ubat gigi
  - D Sampel barang yang diedarkan oleh Syarikat Syampu secara percuma.

Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan Syarikat ARMZ.


Syarikat ARMZ mengeluarkan Minyak Urut Serai Wangi bagi kegunaan ibu-ibu selepas bersalin.

- 5 Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat ARMZ?
- I Apakah yang hendak dikeluarkan?
  - II Berapakah yang hendak dikeluarkan?
  - III Untuk siapa hendak dikeluarkan?
  - IV Bagaimanakah hendak dikeluarkan?
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

- |      |   |
|------|---|
| I.   | Harga ditentukan melalui mekanisme harga dan kerajaan |
| II.  | Mendorong persaingan sihat, adil dan saksama          |
| III. | Penonjolan aspek kesederhanaan.                       |

6 Apakah sistem ekonomi yang mengamalkan ciri di atas ?

- A Sistem ekonomi Islam
- B Sistem ekonomi campuran
- C Sistem ekonomi pasaran bebas
- D Sistem ekonomi perancangan pusat



Rajah 1

7 Berdasarkan rajah 1 di atas, apakah yang dapat dibiayai oleh RM 3 500 itu ?

- I Cukai jalan
  - II Zakat
  - III Cukai pendapatan
  - IV Belanja persekolahan
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 8 Antara berikut yang manakah benar tentang perbezaan antara keperluan dan kehendak manusia ?

	Keperluan	Kehendak
A	Tidak terhad	Terhad
B	Harga tidak stabil	Harga stabil
C	Tidak penting dalam hidup	Penting untuk terus hidup
D	Mudah dipenuhi	Susah dipenuhi

- 9 Antara berikut yang manakah merupakan sebab-sebab individu membuat pinjaman?

- I Menampung kekurangan wang masa kini
  - II Membeli barang tahan lama
  - III Mengurangkan bayaran cukai
  - IV Bagi menggantikan mesin di premis perniagaan
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV.

Hj. Ibrahim telah mengusahakan kebun mangga harum manis dan memperoleh pendapatan sebanyak RM 10,000 setahun. Beliau menabung sejumlah wang di bank dan telah menerima pendapatan sebanyak RM 500 setahun.

- 10 Apakah bentuk-bentuk pendapatan yang diterima Hj. Ibrahim?

- A Untung dan faedah
- B Upah dan untung
- C Faedah dan sewa
- D Upah dan faedah

- 11 Encik Azhar dan Encik Jumali merupakan rakan kongsi Syarikat Mulia. Mereka ingin mengeluarkan komputer berjenama Siber Seri. Apakah matlamat kedua-dua rakan kongsi tersebut?
- A Meminimumkan keluaran syarikat  
B Memaksimumkan kepuasan  
C Memaksimumkan keuntungan  
D Memaksimumkan kos pengeluaran
- 12 Antara berikut yang manakah **benar** mengenai input berubah?
- I Berubah secara langsung dengan tingkat keluaran  
II Terdiri daripada buruh dan bahan mentah  
III Hanya wujud dalam jangka pendek  
IV Digunakan oleh firma sepanjang masa
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 13 Antara berikut, yang manakah merupakan kos tetap?
- A Bayaran sewa lori  
B Pembelian bangunan kilang  
C Pembelian bahan mentah  
D Bayaran gaji pekerja

Soalan 14 dan 15 berdasarkan jadual 1 di bawah

Output	Jumlah kos (RM)
0	350
5	550
10	630
15	680
20	740

Jadual 1

- 14 Jadual 1 menunjukkan kos pengeluaran bagi firma Indah. Berapakah kos sut bagi keluaran ke 15?
- A RM5
  - B RM10
  - C RM15
  - D RM20

- 15 Berapakah kos tetap dan kos berubah untuk mengeluarkan 10 unit output?

	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)
A	400	500
B	450	460
C	250	250
D	330	300

16 Maklumat berikut berkaitan dengan penentu permintaan.

Keluk permintaan terhadap Burger King telah beralih ke kanan

Antara yang berikut, faktor yang manakah mungkin menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A Kejatuhan dalam harga tepung
- B Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan
- C Citarasa negatif penggemar makanan segera
- D Kejatuhan dalam harga Burger King itu sendiri

17 Gambar 4 ialah iklan promosi kamera digital Syarikat Murni Sdn Bhd, untuk bulan Mac.



Gambar 4

Dalam tempoh promosi, jualan syarikat tersebut telah meningkat sebanyak 25%.

Apakah yang menyebabkan peningkatan tersebut?

- A Permintaan kamera digital itu tidak anjal
- B Permintaan kamera digital itu anjal
- C Penawaran kamera digital itu tidak anjal
- D Penawaran kamera digital itu anjal

- 18 Antara berikut, yang manakah menunjukkan peranan isi rumah sebagai pembekal faktor pengeluaran?
- I Azlan bekerja di kedai yang menjual kamera digital
  - II Puan Adibah menyewakan tanahnya kepada Firma Berjasa
  - III Cik Nisa membeli daging dan buah-buahan di pasar minggu
  - IV Ahmad mendapatkan khidmat menggunting rambut di Barber Shop
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan III  
D III dan IV
- 19 Apakah objektif isi rumah?
- A Memaksimumkan perbelanjaan
  - B Memaksimumkan kuantiti pembelian barang
  - C Memaksimumkan penggunaan barang
  - D Memaksimumkan kepuasan
- 20 Yang manakah menjelaskan maksud konsep permintaan dengan tepat?
- A Kesanggupan dan keinginan membeli barang dan perkhidmatan oleh pengguna
  - B Keinginan dan kemampuan membeli barang dan perkhidmatan oleh pengguna
  - C Kemampuan membeli barang dan perkhidmatan oleh pengguna
  - D Kemahuan membeli barang dan perkhidmatan oleh pengguna
- 21 Apakah faktor pengeluaran yang tidak diuruskan di pasaran faktor?
- A Buruh
  - B Tanah
  - C Modal
  - D Usahawan

22 Apakah maksud permintaan pasaran?

- A Kuantiti barang yang diminta oleh semua pengguna dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- B Kuantiti barang dan perkhidmatan yang diminta oleh semua pengguna dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- C Kuantiti barang yang diminta oleh individu pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- D Kuantiti barang dan perkhidmatan yang diminta oleh individu pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

23 Jadual 2 menunjukkan hubungan antara harga sejenis sayuran dengan kuantiti yang diminta oleh pemborong **X**, **Y** dan **Z**.

<b>Harga Sayuran (RM)</b>	<b>Kuantiti Permintaan (kg)</b>		
	<b>Pemborong X</b>	<b>Pemborong Y</b>	<b>Pemborong Z</b>
20	100	80	60
40	80	70	50
60	60	60	40
80	40	50	30

Jadual 2

Jika kuantiti penawaran pasaran sayuran tersebut ialah 120 kg, berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran?

- A 20
- B 40
- C 60
- D 80

24 Apakah kesan kepada pasaran motosikal sekiranya permintaan berkurangan tetapi penawaran tetap?

- I Lebihan permintaan
- II Lebihan penawaran
- III Harga akan jatuh
- IV Harga akan naik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

25 Antara berikut, yang manakah menepati konsep pasaran?

- I Ada penjual sahaja
- II Mempunyai satu tingkat harga tertentu
- III Berlaku dalam satu tempoh masa tertentu
- IV Berlaku sepanjang masa

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV


26 Encik Ramli mempunyai deposit tetap berjumlah RM200 000 di Bank Simpanan Nasional. Apakah fungsi wang dalam pernyataan itu?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat bayaran tertunda
- C Alat penyimpan nilai
- D Alat perantaraan pertukaran

27 Di antara berikut, manakah kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan dapat mengurangkan penggunaan tunai untuk pelbagai urusan dalam negara?

- I Baucar
- II Cek kembara
- III Kad kredit
- IV Kad juruwang elektronik
  
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

28 Rajah 2 menunjukkan maklumat berkaitan Bank Z.



Rajah 2

Manakah antara berikut merupakan Bank XYZ?

- A Bank Negara Malaysia
- B Mayban Berhad
- C Arab Merchant Bank
- D Bank Simpanan Nasional

- 29 Bagaimanakah kerajaan mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan Islam?
- A Menjual sijil pelaburan
  - B Menjual bil perbendaharaan
  - C Menjual surat jaminan kerajaan
  - D Menjual sijil simpanan premium
- 30 Manakah antara institusi kewangan berikut, yang **tidak** menerima deposit daripada orang ramai ?
- A Public Finance Bhd.
  - B Bank Negara Malaysia
  - C Bank Simpanan Nasional
  - D Mayban Berhad

Soalan 31 berdasarkan jadual 3 di bawah.

Sumbangan Sektor Ekonomi Kepada KDNK (RM Juta)

Tahun	Sektor Utama	Sektor Kedua	Sektor Ketiga
1990	22 212	23 798	33 238
2005	35 974	112 119	151 691

Jadual 3

- 31 Manakah antara pernyataan yang berikut **benar** tentang jadual di atas?
- A Pertambahan guna tenaga yang banyak berlaku dalam sektor utama pada tahun 1990 hingga 2005
  - B Sektor ketiga menyumbang sebanyak 50% kepada KDNK pada tahun 2005
  - C Sektor kedua memperlihatkan peningkatan sumbangan kepada KDNK sebanyak 37% dari tahun 1990 hingga 2005
  - D Sektor utama menyumbangkan peratusan yang terkecil kepada KDNK pada tahun 1990

- 32 Apakah yang terkandung dalam imbalan pembayaran?
- A Akaun modal, akaun dagangan, dan akaun perkhidmatan
  - B Akaun dagangan, akaun perkhidmatan, dan akaun pindahan
  - C Akaun semasa, akaun modal, dan akaun pergerakan kewangan
  - D Akaun semasa, akaun dagangan , dan akaun pergerakan kewangan
- 33 Antara berikut yang manakah **bukan** cukai langsung?
- A Cukai pintu
  - B Cukai perkhidmatan
  - C Cukai pendapatan koperasi
  - D Cukai keuntungan hartanah
- 34 Sumber pinjaman yang manakah merupakan sumber pinjaman dalam negeri ?
- A Pinjaman projek
  - B Sijil pelaburan
  - C Kredit pembekal
  - D Pinjaman pasaran
- 35 Antara berikut yang manakah **bukan** menyebabkan perdagangan antarabangsa berlaku?
- A Setiap negara tidak mampu memenuhi semua kehendaknya
  - B Setiap negara mempunyai faktor pengeluaran terhad dan kehendak yang tidak terhad
  - C Setiap negara mempunyai tukaran asing yang cukup untuk perdagangan antarabangsa
  - D Setiap negara berkehendakkan kepada pasaran yang lebih luas untuk barang keluarannya.

- 36 Antara berikut yang manakah merupakan import tak nampak?
- Rakyat Singapura menggunakan perkhidmatan insurans dari Malaysia
  - Orang Johor berbelanja di Sabah
  - Rakyat Thailand menggunakan penerbangan MAS ke Taiwan
  - Malaysia menggunakan kapal terbang Saudi Air untuk menghantar jemaah haji ke Mekah
- 37 Mengapa sekatan perdagangan antarabangsa perlu pada sesebuah negara?
- Meningkatkan import barang
  - Meningkatkan permintaan barang
  - Melindungi industri muda sesebuah negara
  - Peningkatan penawaran barang tempatan

**Soalan 38 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.**

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 38 I Wang berfungsi sebagai alat penyimpanan nilai yang baik kerana mempunyai nilai yang stabil
- II Sumbangan institusi kewangan bukan bank kepada pembangunan ekonomi negara ialah meningkatkan pinjaman luar negara
- 39 I Dalam sistem ekonomi kapitalis, semua keputusan ekonomi ditentukan oleh kerajaan.
- II Cukai pendapatan syarikat merupakan cukai langsung
- 40 I Kuota merupakan satu bentuk sekatan ke atas kuantiti barang yang boleh diimport.
- II Perubahan dalam kuantiti diminta disebabkan oleh perubahan harga barang itu sendiri.

**KERTAS SOALAN TAMAT**